

# PM NAK LIHAT SENDIRI MASALAH KAUM PENAN

UM 9 JUL 1987

**KUALA LUMPUR 8 Julai** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan melawat kawasan - kawasan suku kaum Penan di Sarawak tidak lama lagi untuk melihat sendiri secara lebih dekat masalah mereka. Perdana Menteri berkata, beliau sangat bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh suku kaum itu dan akan berusaha membantu mengatasinya. Beliau menyatakan demikian dalam pertemuan selama lebih kurang satu jam dengan tiga orang ketua suku kaum Penan Sarawak di pejabatnya di menara bangunan Parlimen di sini petang ini. Ahli Parlimen Hulu Rejang, Encik Justine Jinggut yang menyertai pertemuan itu memberitahu para wartawan Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah meminta agar masalah kaum Penan ini tidak digembar - gemburkan hingga boleh memecahbelahkan mereka. Rombongan tiga orang ketua suku Penan yang menemui Perdana Menteri hari ini datang dari Sarawak atas anjuran Encik Justine untuk memberi gambaran sebenar mengenai masalah yang mereka hadapi. Mereka adalah berbeza dari rombongan ketua - ketua suku kaum Penan

yang datang menemui para pemimpin pusat baru - baru ini atas anjuran Sahabat Alam Malaysia (SAM). Menurut Encik Justine Jinggut, Perdana Menteri yang bersimpati dengan golongan kaum Penan menyatakan kesediaannya untuk membantu golongan tersebut yang dikatakan masih ketinggalan dari segi pembangunan sosial. Bantuan - bantuan yang akan diberikan, menurut Encik Justine, adalah meliputi masalah perumahan, pertanian serta sosial dan bantuan itu akan diberikan melalui kerajaan negeri. Katanya, temuannya dengan Datuk Sri Dr. Mahathir adalah untuk menerangkan gambaran sebenar yang berlaku ke atas kaum Penan yang sebelum ini telah digambarkan sebagai kaum

yang agresif serta anti - pembangunan. "Kami tidak pernah menolak pembangunan malah tuduhan - tuduhan yang diberi sebelum ini khususnya oleh sekumpulan yang mendakwa mewakili kaum Penan seolah - olah menunjukkan kami menolak kemajuan," kata Encik Justine. Beliau juga percaya bahawa kumpulan Penan yang datang sebelum ini atas anjuran Sahabat Alam Malaysia (SAM) telah dipengaruhi supaya memberikan gambaran yang salah dan bertindak agresif. Kata Encik Justine, tuduhan yang dilemparkan kononnya Kerajaan Sarawak tidak ada merancang untuk membangunkan orang -

**LIHAT MUKA 6**

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### PM NAK TEMUI KAUM PENAN

UM 9 JUL 1987

orang Penan juga adalah bohong. "Memang kami mengakui wujudnya masalah ekoran dari aktiviti - aktiviti pembalakan di Sarawak tetapi masalah itu tidaklah seteruk yang digambarkan dan orang - orang Penan menyokong segala tindakan kerajaan negeri asalkan boleh membawa kemajuan." tambahnya. Sebelum ini, sekumpulan orang - orang yang

mengakui mewakili kaum Penan telah datang ke Semenanjung untuk menemui Kerajaan Pusat bagi menyatakan masalah mereka khususnya tentang aktiviti pembalakan yang merosakkan cara hidup orang - orang Penan.

Menurut Encik Justine, masalah pembalakan itu sudah lama dibangkitkan oleh beliau sendiri di Parlimen tetapi kenapa

masalah ini hanya dipersoalkan sekarang.

"Saya percaya kedatangan ketua - ketua Penan sebelum ini adalah digerakkan oleh pihak - pihak tertentu yang tidak puas hati dengan kerajaan negeri," tegas beliau.

Menurutnya, beliau tidak mahu kaum Penan digunakan sebagai wayang kulit untuk kepentingan peribadi.

"Atas alasan itulah, saya membawa ketua - ketua kaum Penan yang sebenar untuk menemui Kerajaan Pusat dan menerangkan gambaran yang betul tentang hasrat kaum Penan yang tidak anti - pembangunan," tambahnya.

Ketua - ketua Penan ini dijangka menemui beberapa orang menteri lagi sebelum berangkat pulang Jumaat ini.